

## Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak di semua negeri

**JOHOR BAHRU 18 Ogos** - Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak akan diwujudkan di semua negeri secara berperingkat bagi melancarkan proses pendakwaan dan perbicaraan dalam usaha memberi keadilan terhadap mangsa serta melindungi mereka secara holistik.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, berdasarkan perancangan pihaknya, dua mahkamah tersebut akan dibina di dua negeri terpilih pada tahun ini iaitu di Sabah dan Sarawak.

"Kami minta cepat diadakan (mahkamah ini) bukan hanya kerana berdasarkan statistik menunjukkan kes jenayah seksual yang tinggi, tetapi ia akan memudahkan perbicaraan bila ada mahkamah khas ini," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita (Tribute to Women) 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Asiah Md. Ariff.

Kempen tersebut adalah anjuran bersama badan bukan kerajaan termasuk Persatuan Pemerksaan Wanita Intelektual Johor (JEiWA).

Rohani berkata, pada masa ini mahkamah khas tersebut telah beroperasi di Istana Kehakiman, Putrajaya sejak 22 Julai lalu dengan sebanyak 60 kes telah diterima bagi kes-kes yang didaftarkan di sekitar Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor.

"Kes kanak-kanak ini jika nak diadili di mahkamah biasa memang tidak sesuai disebabkan



**ROHANI ABDUL KARIM**

kan anak-anak (mangsa) akan berada dalam keadaan trauma, malah kita sendiri juga tidak selesa sekiranya berada di dalam mahkamah.

"Ia sebenarnya tidak memerlukan fizikal mahkamah. Mahkamah dah ada tetapi perlu diubah suai sedikit supaya mesra kanak-kanak dengan mereka akan ditempatkan berasingan, namun ada hubungan video supaya mereka dapat beri keterangan dengan selesa dan meluahkan apa yang berlaku untuk dijadikan bukti," katanya.

Menurutnya, mahkamah khas itu ditubuhkan bertujuan mempercepatkan tempoh pelupusan kes dan giliran bagi perbicaraan kes jenayah seksual melibatkan kanak-kanak yang dijangka diselesaikan dalam tempoh setahun.

Bilik mahkamah tersebut dilengkapi infrastruktur seperti Transkripsi Rakaman Mahkamah (CRT), bilik menunggu saksi kanak-kanak, persidangan video kanak-kanak secara langsung (ketika memberi keterangan), penghadang kanak-kanak dan kemudahan yang mesra orang kurang upaya (OKU).